

SILAT/ Liputan...

Pesaka kecewa peranan media massa

Oleh **KHAIRUL ANUAR MOKHTAR**
dan **JAMHARIAH JAAFAR**

28 NOV 1987

B. Harian (M)



PRESIDEN Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka), Datuk Abdul Rahman Mahmud, kecewa kerana liputan kurang menggalakkan daripada peibagai media massa mengenai Kejuaraan Silat Sedunia di Kuala Lumpur Rabu ini yang tinggal beberapa hari sebelum bermula.

Sehubungan itu, beliau berharap media massa, terutama, akhbar-akhbar bukan Bahasa Malaysia, menganggap kejohanan ini sebagai penting dan perlu diberi liputan meluas.

Menurut beliau, beberapa akhbar bukan Bahasa Malaysia langsung tidak memberikan liputan walaupun Malaysia kali pertama menjadi tuan rumah kejuaraan silat peringkat dunia.

"Mereka harus sedar bahawa silat olahraga berasal daripada seni mempertahankan diri tradisi negara yang telah mencapai pengiktirafan peringkat dunia."

"Dengan itu mereka sepatutnya bangga dan memberikan liputan besar-besaran untuk meningkatkan secara meluas perkembangan sukan ini," jelas Datuk Rahman ketika menyaksikan latihan pusat pesilat kebangsaan di Pusat Sukan Kampung Pandan petang semalam.

Katanya, adalah satu perkara yang memeranjatkan mengapa kejohanan peringkat dunia

yang begitu besar tidak diberikan liputan meluas oleh media massa tempatan sedang 17 negara luar negeri turut serta.

Sebelum ini Kejuaraan Silat Sedunia diadakan di Indonesia serta Austria dan adalah diharapkan kejuaraan ini dapat diadakan sebagai acara tahunan, kata Datuk Rahman.

Tujuh belas negara luar mengambil bahagian dalam kejuaraan ini.

"Jumlah penyertaan kali ini adalah menggalakkan berbanding kejuaraan yang diadakan sebelumnya. Ini menunjukkan betapa pesatnya perkembangan seni silat olahraga sebagai acara sukan di peringkat dunia," kata Datuk Rahman.

Lebih daripada itu, sukan silat olahraga telah menjadi salah satu acara dalam Sukan SEA di Jakarta September lalu, tambah beliau.

"Pesaka kini, sedang berusaha menjadikan sukan silat olahraga sebagai salah satu acara dalam Sukan Asia dan Olimpik di masa akan datang. Ini memerlukan kerjasama pihak media massa."

"Saya percaya dengan kerjasama media massa yang memberikan liputan meluas seperti yang diberikan kepada sukan lain, silat pasti menjadi salah satu acara penting di peringkat

Asia dan Olimpik," tagas Datuk Rahman.

■ Pertandingan seni silat adalah antara acara yang akan dipertandingkan dalam Kejuaraan Silat Sedunia yang akan berlangsung di Stadium Negara.

Menurut pengurus teknikalnya, Haji Amruddin Buang acara seni silat ini dijadikan satu pertandingan bertujuan untuk menilai unsur-unsur seni di dalam beberapa aspek peralitan.

"Kita memberi mata menerusi beberapa aspek iaitu dari ciri tari silat (bunga) hinggalah kepada kaedah bela diri, samaada tangan kosong mahupun dengan bersenjatakan senjata tradisi," kata Amruddin.

Pertandingan seni bagi merebut Piala Pendekar ini dibahagi kepada tiga kategori iaitu seni tari silat, seni silat tangan kosong dan seni silat senjata.

Menurut peraturan pertandingan, bagi kategori seni tari silat, ia hendaklah dipersembahkan secara perseorangan dengan diringi oleh muzik silat.

Manakala bagi kategori silat membela diri, samaada tangan kosong atau bersenjata, ia boleh dipersembahkan oleh tiga hingga lima pesilat.

Malaysia sebagai negara tuan rumah akan mengemukakan dua pasukan iaitu Malaysia A dan B.